

CUKAI PENDAPATAN DAN ZAKAT

MEMBANGUN NEGARA, MENYANTUNI UMMAH



CUKAI

Membiayai pembangunan negara dan kemudahan untuk rakyat.



ZAKAT

Menyucikan harta dan membantu golongan yang memerlukan.



BAHAGIAN PENDIDIKAN CUKAI



JABATAN KHIDMAT KORPORAT

DEFINISI

APA ITU ZAKAT?



Secara teknikal, zakat ialah suatu **ibadah harta** yang diwajibkan ke atas setiap **Muslim** yang memiliki **harta (mal)** yang sama atau melebihi **had tertentu (nisab)**, untuk **mengeluarkan** (sendiri atau melalui wakil), **pada kadar yang ditetapkan**, sebahagian daripadanya kepada **golongan yang telah ditentukan**.



OBJEKTIF ZAKAT

**1**

Meringankan **bebanan ekonomi** golongan Muslim lain serta memulihkan keseimbangan ekonomi dan menghapuskan **ketidaksamaan** dan **jurang perbezaan** (pengagihan kekayaan)

2

Mensucikan harta

3

Mensucikan jiwa, menambah **keberkatan** dan memperoleh **ganjaran pahala** atas amalan kebajikan



**OBJEKTIF
ZAKAT**



KEPENTINGAN ZAKAT

01



Masyarakat Seimbang:

Mewujudkan masyarakat yang seimbang dengan mengangkat golongan berpendapatan rendah.

02



Peredaran Wang:

Mengedarkan wang dalam kalangan masyarakat.

03



Jalan Penyelamat Umat:

Menjadi jalan menuju keselamatan di akhirat.

04



Nilai Pengorbanan:

Memupuk nilai pengorbanan dalam masyarakat.



TANGGAPAN



SALAH BERKAITAN ZAKAT

01



Mewujudkan anggapan bahawa Zakat hanya diberikan pada **bulan Ramadan**.

02



Bahawa hanya **emas** yang dikeluarkan sebagai Zakat.

03



Ahli keluarga **tidak boleh** diberikan Zakat.

04



Zakat hanya dibayar atas **keuntungan**, bukan atas **harta**.



Zakat menerima beberapa kritikan, antaranya ia **gagal mencapai objektif utamanya**, iaitu untuk membantu golongan **miskin dan memerlukan** dalam kalangan umat Islam.



PERBEZAAN CUKAI DAN ZAKAT

Dua bentuk kewajipan yang berbeza, namun saling melengkapi



CUKAI



Cukai adalah kewajipan undang-undang bagi setiap warganegara.



Semua warganegara tanpa mengira agama diwajibkan membayar cukai.



Kadar cukai berbeza mengikut jenis cukai.



Kadar cukai ditetapkan oleh kerajaan dan boleh diubah mengikut keperluan.



Mengharapkan pulangan dalam bentuk kemudahan dan pembangunan daripada kerajaan.



Cukai digunakan untuk pembangunan dalam negara tempat ia dikutip.



1

2

3

4

5

6



ZAKAT



Zakat adalah kewajipan agama bagi umat Islam.



Hanya umat Islam diwajibkan membayar zakat.



Kadar zakat adalah tetap iaitu 2.5% daripada harta.



Kadar zakat tidak boleh diubah kerana telah ditetapkan dalam Al-Quran.



Tidak mengharapkan sebarang pulangan, kerana ia disalurkan untuk kebajikan umat Islam.



Zakat tidak mempunyai batas geografi, boleh disalurkan kepada umat islam di mana sahaja, mengikut keperluan dan masalah.

PERBEZAAN CUKAI DAN ZAKAT

Dua bentuk kewajipan yang berbeza, namun saling melengkapi



KETETAPAN KERAJAAN

Ditetapkan oleh kerajaan melalui undang-undang.



KETETAPAN KERAJAAN

Dikutip dan digunakan oleh kerajaan untuk pembangunan negara dan rakyat.



**CUKAI
PENDAPATAN**



ZAKAT



KETETAPAN ALLAH

Ditetapkan oleh syarak sebagai kewajipan bagi umat Islam.



UNTUK UMAT

Disalurkan kepada asnaf yang berhak sebagaimana ditetapkan oleh syarak.



Kedua-duanya penting dan saling melengkapi dalam membina negara yang **sejahtera** dan masyarakat yang **berkualiti**.



PERBEZAAN CUKAI DAN ZAKAT

— Dua bentuk kewajipan yang berbeza, namun saling melengkapi —



CUKAI

✓ Dikenakan **setiap tahun** terhadap seseorang yang menerima **pendapatan bersifat hasil** seperti:

- 1 Laba/ keuntungan daripada perniagaan
- 2 Laba/ keuntungan daripada penggajian
- 3 Dividen, Faedah atau diskaun
- 4 Sewa, royalti atau premium
- 5 Pencen, anuiti atau bayaran berkala lain
- 6 Laba / keuntungan lain



Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) menguatkuasakan hal-ehwal pentadbiran dan kutipan cukai di Malaysia.

VS



ZAKAT



Dari segi Bahasa,
zakat erti **bersih, suci, subur dan berkembang.**



Manakala dari segi syarak,
zakat ialah mengeluarkan **sebahagian**
daripada harta tertentu **kepada golongan**
tertentu apabila cukup syaratnya.

PECAHAN ZAKAT:



1

Pendapatan



2

Wang
Simpanan



3

Emas



4

KWSP



5

Saham



Kedua-duanya penting dan saling melengkapi dalam membina negara yang **sejahtera** dan masyarakat yang **berkualiti**.



PERBEZAAN CUKAI DAN ZAKAT

— Dua bentuk kewajipan yang berbeza, namun saling melengkapi —

CUKAI



Cukai dikenakan ke atas rakyat tidak kira agama.



ZAKAT

Muslim wajib membayar **zakat**. Bukan muslim wajib membayar jizyah (cukai kepada bukan muslim).



CUKAI



Dikutip untuk **pembangunan negara** seperti membuat infrastruktur, jalan raya, keselamatan dan pertahanan negara dan lain-lain.



ZAKAT

Dikutip dan diagihkan kepada **asnaf zakat** iaitu orang miskin dan fakir miskin dan fakir, amil, fisabilillah, orang berhutang, anak yatim dan mualaf.



PERBEZAAN CUKAI DAN ZAKAT

— Dua bentuk kewajipan yang berbeza, namun saling melengkapi —

CUKAI



Cukai dikenakan kepada setiap orang yang memperoleh **pendapatan / laba** atau keuntungan.



ZAKAT



Orang kaya dan berharta sahaja wajib membayar zakat seperti **zakat harta**, **zakat emas perak**, **zakat perniagaan**, **zakat pertanian** dan **zakat fitrah**.

CUKAI



Sumber cukai adalah dari semua sumber/ **pendapatan / laba / keuntungan** yang diperoleh.



ZAKAT



Sumber zakat adalah dari sumber **halal** sahaja.



PERBEZAAN CUKAI DAN ZAKAT

— Dua bentuk kewajipan yang berbeza, namun saling melengkapi —



CUKAI

- ✓ Pendapatan yang layak dikenakan cukai bagi penggajian adalah sebanyak **RM 37,333 setahun** atau **RM 3,111 sebulan**.
- ✓ Bagi pendapatan perniagaan **tiada minimum** yang ditetapkan.



ZAKAT

- ✓ Berdasarkan **kadar nisab** yang ditetapkan oleh Pusat Zakat setiap Negeri.



CUKAI

Tidak bayar cukai akan dikenakan **denda**.



ZAKAT

Tidak bayar zakat **berdosa**.



KADAR CUKAI DAN ZAKAT HASIL 30

Kadar yang ditetapkan secara berbeza oleh pihak berautoriti



Zakat layak dituntut sebagai **REBAT** cukai. Rebat cukai bagi **ZAKAT** akan diberikan terhadap bayaran **ZAKAT** yang telah dibayar dalam tahun asas bagi tahun **taksiran** itu.



CUKAI

Kadar cukai pendapatan boleh berubah mengikut kadar yang ditetapkan oleh kerajaan pada setiap tahun.

Untuk semakan kadar cukai pendapatan sila layari www.hasil.gov.my



ZAKAT

Kadar zakat pendapatan adalah tetap iaitu **2.5%** dari pendapatan yang diterima.



PELAPORAN CUKAI DAN ZAKAT

Dua saluran pelaporan yang berbeza



CUKAI



Lapor cukai pendapatan
anda melalui
MyTax



Imbas QR untuk MyTax

VS

ZAKAT



Zakat hendaklah dilaporkan
kepada Pusat Zakat mengikut
negeri yang dipilih / bekerja.





TERIMA KASIH



03-8911 1000

Hasil Contact Centre



MyTax

**Gerbang Informasi
Percukaian**

Web Responsif &
Aplikasi Mobile

Single Sign-On
Untuk Semua
Perkhidmatan

Dashboard Ringkas
& Padat

**Pusat Untuk
Semua e-Perkhidmatan LHDNM**



BAHAGIAN PENDIDIKAN CUKAI



JABATAN KHIDMAT KORPORAT